



KEMENTERIAN KOMUNIKASI
JABATAN KOMUNIKASI KOMUNITI

SIARAN MEDIA

PROGRAM RAKYAT MADANI (PMR): 'KOMUNITI NELAYAN' DEKATI KOMUNITI PESISIR PANTAI DI MELAKA

MELAKA, 12 Oktober 2025 - Jabatan Komunikasi Komuniti (J-KOM), Kementerian Komunikasi dengan kerjasama Unit Penyelarasan Lonjakan Prestasi (PACU) Jabatan Perdana Menteri bersama-sama agensi kerajaan negeri dan persekutuan menganjurkan Program MADANI Rakyat (PMR): 'Komuniti Nelayan' yang berlangsung di Medan Ikan Bakar Serkam Pantai, Melaka.

Program ini merupakan Program Satelit kepada Program MADANI Rakyat (PMR) Melaka 2025 yang akan berlangsung pada 17 hingga 19 Oktober 2025 bertempat di Politeknik Merlimau, Melaka dan dirasmikan oleh YAB Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim.

Penganjuran program ini bertujuan memperkukuh hubungan antara kerajaan dan komuniti nelayan di samping meningkatkan kefahaman rakyat terhadap dasar serta inisiatif Malaysia MADANI. Program ini turut memberi ruang kepada masyarakat setempat untuk mendapatkan pelbagai kemudahan dan perkhidmatan kerajaan secara terus di lapangan.

Pelbagai pengisian menarik disediakan sepanjang program, termasuk:

- Khidmat nasihat keusahawanan dan bantuan nelayan;
- Saringan kesihatan percuma dan pameran kesihatan;
- Pameran agensi kerajaan serta pendaftaran bantuan rakyat;
- Persembahan nyanyian yang menampilkan warisan seni dan kebudayaan tempatan;
- Gerai jualan produk nelayan, usahawan kecil dan IKS;
- Majlis penyampaian Anugerah MADANI- Komuniti Nelayan; dan
- Pertandingan mewarna kanak-kanak, memancing, memasak serta pelbagai lagi aktiviti menarik sepanjang program berlangsung.

Majlis perasmian disempurnakan oleh YB Datuk Haji Zaidi bin Haji Attan Timbalan EXCO Pelancongan, Warisan, Seni & Budaya Kerajaan Negeri Melaka yang turut berkongsi amanat mengenai pengukuhan ekonomi komuniti pesisir pantai dan peranan rakyat dalam menjayakan gagasan Malaysia MADANI. Beberapa anugerah penghargaan kepada individu dan kumpulan yang telah menunjukkan kecemerlangan serta sumbangan bermakna dalam pelbagai aspek kehidupan komuniti pesisir turut disampaikan seperti berikut:

- Anugerah Samudera MADANI
- Anugerah Permata MADANI
- Anugerah Inspirasi MADANI
- Anugerah Gemilang MADANI
- Anugerah Citra Nelayan MADANI

Selain itu, sebagai tanda keprihatinan dan sokongan kepada golongan nelayan, majlis turut menyaksikan penyampaian Sumbangan Kasih Nelayan MADANI kepada para penerima terpilih.

Diharapkan agar program seumpama ini diteruskan bagi memastikan rakyat menerima maklumat sahih mengenai dasar kerajaan serta menggalakkan penglibatan aktif masyarakat dalam proses pembangunan negara.

Dikeluarkan oleh:

Jabatan Komunikasi Komuniti (J-KOM)